

Kata-kunci:
Tabah / Kuat
Cabaran
Keburukan
Baik



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

11 September 2026 / 29 Rabiulawal 1448H

Hadyun Nabawi: Ketabahan, Harapan, Pembaharuan

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Laksanakan perintah-Nya dan jauhi larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita **kekuatan** untuk terus **tabah** menempuh ujian. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah sekalian,

Pada permulaan dakwah Rasulullah s.a.w. di Makkah, masyarakat ketika itu bergelumang dengan masalah akidah dan

sosial termasuklah amalan syirik, penindasan, rasuah dan sebagainya.

Di tengah-tengah kegelapan jahiliyah itu, Rasulullah s.a.w. hadir membawa rahmat; menyeru kepada tauhid, melakukan **kebaikan**, dan keadilan, sekaligus mengeluarkan insan daripada lembah kehinaan ke puncak kemuliaan.

Jemaah yang dikasihi,

Walaupun Rasulullah s.a.w. dikenali sebagai insan mulia, Baginda s.a.w. sering menerima layanan yang amat menyedihkan. Baginda s.a.w. dicerca ketika solat di hadapan Kaabah, dilontar najis apabila bersujud, malah hampir dijerut dengan pakaiannya sendiri sebelum diselamatkan oleh Abu Bakar r.a.

Kaumnya sendiri, yang dahulunya menggelar dirinya sebagai *Al-Sadiq Al-Amin* – yang paling benar dan dipercayai, mula melihatnya sebagai pendusta. Mereka berpaling daripada Baginda s.a.w., mengejeknya, menghina, memfitnahnya, malah mereka turut cuba membunuhnya.

Namun begitu, Rasulullah s.a.w. tidak membiarkan **keburukan** di sekelilingnya melunturkan kemuliaan, **kebaikan**, dan kelembutan hatinya. Baginda s.a.w. terus **tabah**, bersabar, dan kekal setia kepada jati dirinya.

Ketabahan itu membuahkan hasil yang luar biasa. Beberapa individu yang dahulu memusuhinya, bertukar menjadi pembela dan berdakwah di sampingnya.

Dengan **ketabahan** Rasulullah s.a.w., cahaya Islam tidak terpadam pada permulaannya di Makkah, tidak juga apabila ia dibadai **cabaran** demi **cabaran** di Madinah. Ajaran Rasulullah s.a.w. yang murni; nilai-nilai yang Baginda s.a.w. tegakkan sepanjang kehidupannya, tidak terhenti selepas pemergiannya. Ia merentasi batasan tempat dan masa untuk sampai kepada diri kita sendiri, hari ini, dengan izin Allah s.w.t.

Setiap anjuran dan larangan yang membentuk kehidupan dan moral seorang Muslim, terbit daripada seorang insan yang enggan membiarkan suasana yang negatif mencemari dirinya. Saudaraku, kita adalah umat Nabi Muhammad s.a.w. Tatalaku kita selayaknya mencerminkan **ketabahan** dan keluhuran Baginda s.a.w. ini, dan menyumbang kepada perkembangan Islam sepanjang zaman.

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Fussilat, ayat 34:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ
عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Dan tidaklah sama **kebaikan** dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih **baik**, maka

orang yang bermusuhan denganmu akan menjadi seperti sahabat karib.”

Inilah semangat **ketabahan** sikap yang perlu kita kembangkan. Tolak kejahatan dengan cara yang lebih **baik**. Dunia ini, saudara-saudara sekalian, pasti ada **keburukannya**. Kadangkala, kita mungkin melihat atau membaca tentang perkara yang membuatkan kita hilang keyakinan terhadap kemanusiaan buat seketika.

Rasulullah s.a.w. juga melihat dan mengalami pelbagai **keburukan**, malah lebih berat berbanding apa yang kita alami. Namun Baginda s.a.w. mengatasinya dan menitipkan ajaran serta nilai-nilai Islam kepada alam semesta.

Oleh itu, ingatlah: walaupun kita mungkin dihimpit pelbagai **cabaran**, teruslah memilih untuk berbuat **baik**. Jangan sesekali berputus asa. Yakinlah bahawa **kebaikan** yang kita lakukan akan terus bercambah dan akhirnya membuahkan hasil, membina masyarakat yang lebih kukuh dan lebih **baik**.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita **kekuatan** untuk membalas setiap **keburukan** dengan hikmah, keimanan, dan **kebaikan**. Amin ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

Sidang Jemaah sekalian,

Baru-baru ini, bencana banjir telah melanda Nepal, sehingga menjejaskan seramai 93,000 penduduknya.

Justeru, Yayasan Rahmatan Lil 'Alamin (RLAF) telah mengikrarkan sumbangan sebanyak \$50,000 dan melancarkan rayuan dana bagi membantu mangsa yang terjejas.

Sumbangan boleh disalurkan secara langsung di masjid-masjid dari 7 hingga 14 September, ataupun secara dalam talian melalui kod QR yang tertera pada poster kempen ini. Setiap sumbangan yang diterima akan disalurkan melalui Palang Merah Singapura kepada mereka yang memerlukan.

Marilah kita menyumbang dengan seadanya, sambil berdoa agar Allah s.w.t. meringankan kesusahan saudara-saudara seinsan, serta mempermudah setiap urusan kita.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ
قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ،
وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ
مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ
عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.